

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
[LIBARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini tentang dakwaan stadium tidak selamat susulan laporan media bahawa 13 daripada 21 stadium utama di seluruh negara tidak mempunyai sijil pematuhan kod (CCC) atau dikenali sebagai sijil layak menduduki (CF) dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan stadium tersebut memenuhi syarat demi kesejahteraan rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian dalam proses untuk mengumpul maklumat daripada setiap negeri berkaitan kemudahan stadium yang terdapat di negeri masing-masing. Berdasarkan 13 stadium utama tersebut Kuala Lumpur Sports City (KLSC) tidak tersenarai sebagai stadium yang tidak mempunyai pematuhan kod (CCC) atau dikenali sebagai sijil layak menduduki (CF). Walau bagaimanapun Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) akan memastikan semua venue di bawah PSM mempunyai CCC bagi memastikan stadium tersebut selamat diduduki.

Sekian, terima kasih.